

**PENDATANG TANPA IZIN DI LAHAD DATU,
SABAH: SATU TINJAUAN DARI SUDUT SOSIO-
EKONOMI (1997-2007).**

**JUHITA BINTI GUNONG
HA2006-4327**

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN SYARAT
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
MUDA SAINS SOSIAL
DENGAN KEPUJIAN**

**PROGRAM SEJARAH
SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2009**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

140001710



183367

PUMS99:1

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: PENDATANG TANPA IJIN DI LAHAD DATU, SABAH: SATU
TINJAUAN DARI SUDUT SOSIO-EKONOMI (1997 - 2007)

IJAZAH: SERJANA MUDA SARJANA SOSIAL

SAYA ZUHTITA BINTI GUNONG
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: _____

• mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

EHWAN BHAWAZU DINI

Nama Penyelia

Tarikh: 18/mai/09Tarikh: 18/mai/09

CATATAN: *Potong yang tidak berkeraan.

* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkeraan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017104



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN PENYELIA

Dengan ini saya mengesahkan bahawa latihan Ilmiah ini telah dihasilkan oleh **Juhita Binti Gunong (HA2006-4327)** yang bertajuk "Pendatang Tanpa Izin di Lahad Datu, Satu tinjauan dari sudut sosio-ekonomi, 1997-2007" dan telah diselia oleh saya sebagai sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Tandatangan penyelia,

.....
(En. Wan Shawaluddin Wan Hassan)
Penyelia Latihan Ilmiah,
Sekolah Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sabah.

15 Mei 2009

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan jenis sumbernya.

Juhita binti Gunong

HA2006-4327

15 Mei 2009



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Syukur Alhamdullilah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya serta izin-Nya akhirnya saya dapat siapkan Latihan Ilmiah ini. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak Sekolah Sains Sosial kerana memberikan saya peluang keemasan untuk menyempurnakan projek penyelidikan tahun ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih ditujukan khas kepada En. Wan Shawalludin Wan Hassan selaku penyelia saya serta pensyarah-pensyarah program Sejarah sesi 2008/2009. Sifat kemudahbicaraan serta dorongan, bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan anda semua telah banyak membantu saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Ucapan terima kasih ini juga, tidak lupa saya ucapkan buat kedua-dua ibu bapa saya iaitu ayah saya, Gunong bin Agil dan mama saya, Jamiah Binti Naung terima kasih atas segala pengorbanan, sokongan serta bantuan kewangan yang diberikan juga buat adik-beradik saya yang tidak jemu memberikan semangat dalam meneruskan penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan penyelidikan ini terutamanya kepada buat yang tersayang Akmal Rafi Bin Anifah, buat sahabat saya Ermawati Sidik, Frenorika Maruis dan Lily Chee Siaw Foong, kepada rakan-rakan seperjuangan Sejarah sesi 08/09 serta, buat seluruh warga PALAPES UMS Batch 11. Sokongan padu dan kerjasama daripada kalian semua amatlah saya hargai.

Wassalam.

Juhita Binti Gunong

ABSTRAK

PENDATANG TANPA IZIN DI LAHAD DATU, SABAH: SATU TINJAUAN DARI SUDUT SOSIO-EKONOMI (1997-2007)

Lahad Datu merupakan antara dearah di Sabah yang paling ramai PTI. Kedudukannya yang agak terpencil menjadi daya tarikan PTI. Ladang kelapa sawit pula menjadi tempat bersembunyi PTI dari Indonesia. Kajian ini akan membincangkan faktor-faktor PTI datang ke Lahad Datu serta cara-cara kemasukan mereka. Seterusnya membolehkan aktiviti ekonomi mereka naik seperti pertanian, perladangan, pembalakan, perikanan serta sektor tidak formal akan menjadi tumpuan. Perbincangan juga akan menyentuh mengenai kesan dari sudut sosial dan ekonomi disamping langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani mereka. Selain sumber primer dan sekunder, kaedah temubual juga turut digunakan untuk mendapatkan data.

ABSTRACT

ILLEGAL IMMIGRANT IN LAHAD DATU, SABAH: A SURVEY FROM SOCIO-ECONOMIC PERSPECTIVE.

Lahad Datu is among the district known to host many illegal immigrants in Sabah. Its position which is quite remote is itself an attractive for migrant from the Philippine. Palm oil estate meanwhile is a hiding place for Indonesian illegal migrant. This study intends to discuss factor for illegal immigrant flow to Lahad Datu. Their involvement is economic activation such as agriculture, estate, logging, fisherman and informal sector will focused. Discussion will also touché on the impact as well as immigrant taken by the government in countering the problems. Beside primary and secondary data, interview has also been utilized in gathering data.



ISI KANDUNGAN

Halaman

Tajuk	
Pugesahan Penyelia	ii
Perakuan Pelajar	iii
Penghargaan	iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
Isi Kandungan	vii
Senarai jadual	xii
Senarai rajah	xiii
Singkatan	

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	6
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Tinjauan kajian Lepas	7
1.5	Skop Kajian	10
1.5.1	Lokasi	10
1.5.2	Masa	11
1.6	Kepentingan Kajian	12
1.7	Metodologi Kajian	12
1.8	Pembahagian Bab	12
1.9	Jadual Kerja lapangan	14
1.10	Kesimpulan	15

BAB 2 LATAR BELAKANG DAERAH LAHAD DATU

2.1	Pendahuluan	16
2.2	Sejarah Daerah Lahad Datu	16
2.3	Pentadbiran	17
2.4	Ekonomi	18
2.4.1	Perhutanan	19
2.4.2	Perlادangan	20
2.4.3	Perikanan	20
2.4.4	Perkilangan	21
2.4.5	Pertanian	21
2.5	Bangsa	22
2.6	Penempatan	24
2.7	Pendatang Tanpa Izin di Lahad Datu	26

2.8	Kategori-kategori Pendatang Tanpa Izin	28
2.9	Faktor-faktor migrasi Pendatang Tanpa Izin	29
2.10	Cara-cara kemasukan Pendatang tanpa Izin	31
2.11	Kesimpulan	33

BAB 3 KEGIATAN SOSIO-EKONOMI PENDATANG TANPA IZIN DI DAERAH LAHAD DATU

3.1	Pendahuluan	34
3.2	Kegiatan Ekonomi Pendatang Tanpa Izin	35
3.2.1	Pertanian	35
3.2.2	Perladangan	36
3.2.3	Pembalakan	39
3.2.4	Perikanan	41
3.2.5	Perkilangan	44
3.2.6	Perdagangan Barter	46
3.2.7	Sektor tidak formal	47
3.3	Kegiatan sosial Pendatang Tanpa Izin	49
3.3.1	Perkembangan kawasan penempatan	49
3.3.2	Penggunaan Kemudahan Awam	53
3.4	Kesimpulan	57

BAB 4: KESAN SOSIO-EKONOMI PENDATANG TANPA IZIN DI DAERAH LAHAD DATU DAN USAHA YANG DILAKUKAN UNTUK MENGATASINYA

4.1	Pendahuluan	58
4.2	Kesan dari sudut ekonomi	59
4.2.1	Pendatang Tanpa Izin terlibat dalam sektor tidak formal	59
4.2.2	Pendatang Tanpa Izin menggunakan lesen penduduk tempatan untuk Berniaga	60
4.2.3	Penganguran dalam kalangan masyarakat tempatan	61
4.2.4	Pengaliran keluar wang	62
4.3	Kesan dari sudut sosial	
4.3.1	Pendatang Tanpa Izin terlibat dengan aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang	63
4.3.2	Kampung air yang berselerak	64
4.3.3	Kanak-kanak Jalanan	65
4.4	Langkah dan usaha yang dilakukan bagi mengatasi masalah Pendatang Tanpa Izin	
4.4.1	Ops Nyah	66
4.4.2	Ops Pasir dan Ops Tayang	67
4.4.3	Perjanjian Indonesia- Malaysia	68

4.4.4	Operasi Pendaftaran	68
4.4.5	Bulan Pengampunan	69
4.4.6	Pindaan Akta Imigresen	70
4.4.7	Hukuman Sebat	71
4.4.8	Pengawasan di Peringkat Daerah dan Kampung	71
4.4.9	Penghantaran PTI secara Drastik	72
4.4.10	Penubuhan Pasukan Khas	73
4.4.11	Sekatan di jalan raya	73
4.5	Kesimpulan	74

BAB 5	KESIMPULAN	75
--------------	-------------------	----

RUJUKAN**LAMPIRAN**

SENARAI JADUAL

SENARAI JADUAL		HALAMAN
Jadual 1.1	Jadual Kerja Lapangan Kajian	14
Jadual 2.1	Bilangan Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Purata Tahun (Peratus) Daerah Pentadbiran Lahad Datu, 1986, 1991, 2000	23
Jadual 3.1	Jumlah Rumah setinggan Mengikut Daerah Di Sabah pada tahun 1998	50
Jadual 3.2	Peratus (%) Pesakit Pendaang Asing Yang Mendapatkan Rawatan di Hospital-hospital Kerajaan di Sabah (1987-1997)	54



SENARAI RAJAH

SENARAI RAJAH	HALAMAN
Rajah 1.1 Peta Pembahagian Kawasan Di Sabah	2
Rajah 1.2 Peta Kedudukan Daerah Lahad Datu	11
Rajah 2.1 Pemandangan Ladang Kelapa Sawit di Jalan Segama Lahad Datu	19
Rajah 2.2 Gambar Kawasan Penempatan	24
Rajah 3.1 Bas Pekerja Lahad Datu	38
Rajah 3.2 Pasar Ikan Daerah Lahad Datu, Sabah	42
Rajah 3.3 Pasar Ikan Di Kawasan kediaman	43
Rajah 3.4 Ikan Dijual Dengan Menggunakan Kereta Sorong	43
Rajah 3.5 Kanak-kanak Yang Menjual Barang di Sektor Pasar	48
Rajah 3.6 Menjual Rokok Dan Jeruk Di Tepi Jalan	48
Rajah 3.7 Pemandangan di Kampung Puyut	49
Rajah 3.8 Perahu Yang Dijadikan Sebagai Rumah Di Daerah Lahad Datu	52
Rajah 3.9 Kampung Air Yang Terdapat Di Daerah Lahad Datu	52
Rajah 3.10 Menjamah makanan di tepi jalan	55
Rajah 3.11 Kuih-muih terdedah dengan habuk	55
Rajah 3.12 Keadaan saluran paip air	56
Rajah 3.13 Bekalan air diletak di gelen untuk keperluan memasak	56

SENARAI SINGKATAN

GBC	<i>General Border Committee</i>
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung
KKIP	<i>Kota Kinabalu Industrial Parks</i>
MDLD	Majlis Daerah Lahad datu
MAS	Sistem Penerbangan Malaysia
NGO	<i>Non-Government Organization</i>
OPS	Operasi
PBKA	Pasukan Bertugas Pekerja Asing
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PGA	Pasukan Gerakan Am
PTI	Pendatang Tanpa Izin
PPKP	Pasukan Petugas Keselamatan
RELA	Ikatan Relawan Rakyat
SESB	<i>Sabah Electricity SDN. BHD.</i>
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Sejarah negeri Sabah hingga ke tahun 1963 boleh dibahagikan kepada empat era, iaitu Sejarah Zaman Kesultanan Brunei dan Sulu Tradisional hingga tahun 1840, Sejarah Zaman Penjajahan Kuasa Asing (Inggeris dan Jepun) hingga tahun 1945, Sejarah Zaman Nasionalisme dan kemerdekaan daripada tahun 1946 hingga 1963, dan Sejarah Zaman Selepas Merdeka (Dalam Malaysia) hingga kini.


Negeri Sabah dikelilingi oleh tiga perairan laut yang menyimpan banyak sejarah ketamadunan manusia di masa lampau, iaitu Laut China Selatan di sebelah barat, Laut Sulu di sebelah utara, dan Laut Sulawesi di sebelah timur. Terutamanya, Laut Sulu memberi laluan kepada kemasukan unsur-unsur dari Filipina, khusus ke Sabah. Di samping itu, Laut Sulawesi di sebelah timur dan Laut Jawa di sebelah selatan juga penting kepada penduduk Borneo amnya dari segi ekonomi perniagaan dengan saudagar-saudagar dari Pulau Jawa, dan Sumatra.

Sabah terletak Di Bahagian Utara Borneo, iaitu Kira-Kira Pada Garis Lintang 30 42' Ke Utara Dan Garis Bujur Di Antara 1150 20' Hingga 1190 15' Ke Timur. Ia merupakan Negeri Yang Kedua Terbesar Di Malaysia Dengan Keluasan Kira-Kira 73,620

Kilometer Persegi, Bersempadan Dengan Wilayah Kalimantan, Indonesia Di Sebelah Selatan Dan Negeri Sarawak Di Sebelah Barat-Daya. Negeri Sabah Dalam Zaman Penjajahan dikenali Sebagai *North Borneo* (Borneo Utara).

Negeri Sabah terdiri daripada lima bahagan pentadbiran iaitu Tawau, Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman. Bahagian-bahagian tersebut dibahagikan kepada beberapa daerah pentadbiran, iaitu sejumlah 23 buah daerah keseluruhannya di Sabah. Antara kesemua bahagian ini bahagian Tawau merupakan antara bahagian yang ramai penduduk yang terdiri daripada Pendatang Tanpa Izin (PTI) iaitu meliputi daerah Lahad Datu, Kunak dan Semporna serta Tawau.

Rajah 1.1: Peta pembahagian kawasan di Sabah.



Sumber: wikipedia, 2008

Masyarakat di Sabah pada awalnya adalah terdiri daripada beberapa suku etnik peribumi asli yang kemudiannya telah berubah menjadi sebuah masyarakat majmuk terutamanya ekoran daripada proses migrasi yang mula berlaku seawal-awalnya pada kurun masihi yang ke-10 lagi daripada Tanah Besar China, India, Kepulauan Filipina dan Sulu, Kepulauan Cocos dan Maluku, Indonesia dan lain-lain.

Mengikut bancian rasmi tahun 1980, penduduk negeri Sabah berjumlah kira-kira 1,002,698 orang. Masyarakat negeri ini terdiri 29 kumpulan suku etnik yang dikelaskan sebagai Bumiputra, 12 kumpulan etnik bukan Bumiputra termasuk 6 kumpulan suku etnik Cina dan selebihnya adalah berketurunan Pakistan, India, Eropah, dan lain-lain. Pada amnya kumpulan-kumpulan etnik dan suku etnik tersebut biasanya digolongkan dalam tiga kumpulan etnik utama, iaitu Bumiputra Melayu-Islam, Bumiputra bukan Melayu, dan Cina. Tegasnya, sehingga kini masih tidak ada bukti secara nyata tentang kewujudan satu etnik asli di Sabah.

Penduduk peribumi asli Sabah (Borneo Utara) menurut klasifikasi awal yang diberikan oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara terdiri daripada kaum Dusun, Murut, Bisaya, Orang Sungai, Kwijau, Kedayaan, Idahan, Bajau, Brunei, Dayak, Suluk, dan lain-lain. Dusun dan Murut merupakan dua kumpulan kaum yang terbesar bilangannya. Mereka mewaikili lebih kurang 50 peratus daripada jumlah penduduk Sabah dalam kurun masehi ke-19. Pada keseluruhannya penduduk peribumi merangkumi lebih kurang 80 peratus daripada penduduk Borneo Utara ketika itu.

Pihak penajah terus menerus mengambil ramai pekerja upahan dari luar mengakibatkan berlakunya kemasukan beramai-ramai tanpa sekatan kemudian, terutamanya daripada Kalimantan dan Filipina. Pedatang-pedatang ini dikehendaki dalam sektor perladangan tembakau sekitar tahun 1900 dan 1910 dan getah sekitar tahun 1910 dan 1940. Dalam tempoh tersebut, keluasan tanaman tembakau ialah kira-kira 15,000 ekar, dan sementara getah pula kira-kira 128,680 ekar.¹

Perkembangan penduduk dan kemajuan infrastruktur dan perlombongan telah meningkatkan proses perbandaran. Terdapat 5 pusat bandar yang berkembang dengan pesat dan menjadi tumpuan perdagangan dan pentadbiran ketika itu, iaitu Jesselton (Kota Kinabalu), Tawau, Kudat, Lahad Datu dan Sandakan. Kegiatan perlombongan oleh pedatang Cina berlaku sejak penemuan emas di Sungai Segama pada tahun 1880. Di samping itu pekan² Tawau dan Sandakan merupakan tempat pengeluaran arang batu dari tahun 1890 hingga tahun 1905.

Pada awalnya negeri ini dihuni oleh beberapa kumpulan suku kaum pribumi, tetapi kerana perkembangan dunia perdagangan yang pesat berlaku sejak kurun ke-15 lagi di rantau Asia Tenggara, maka ini telah menggalakkan proses migrasi penduduk dari luar ke Borneo, seperti orang India, Cina, Bugis, Jawa, Melayu, dan Filipina. Proses migrasi yang telah pun berlaku sejak awal lagi telah membentuk masyarakat yang berbilang keturunan dan agama di Sabah, dan proses migrasi dari luar ke Borneo

¹ G.A. Chatifield, *General Geography*, University Of London Press, 1967, hlm. 111.

² Tawau dan Sandakan merupakan sebuah pekan sebelum dinaiktaraf menjadi bandar.

bertambah pesat akibat daripada dasar penjajahan-ekonomi orang Inggeris sekitar kurun ke-19.

Sabah adalah sebuah negeri yang terletak di Utara Pulau Borneo dan kedudukannya berhampiran dengan negara Filipina dan Indonesia. Keadaan fizikal Negeri Sabah seperti pantai yang luas dan kurang kawalan telah memberi laluan yang mudah kepada pendatang untuk masuk ke negeri Sabah secara beramai-ramai. Sabah telah menerima PTI dalam jumlah yang besar khususnya dari Filipina dan Indonesia. Hal ini adalah berdasarkan tenaga kerja buruh asing yang kebanyakannya warganegara Filipina dan Indonesia.

Antara faktor yang mendorong Kedatangan PTI ke Lahad Datu adalah disebabkan Lahad Datu merupakan daerah yang berada di tengah-tengah antara Tawau yang menjadi pintu masuk bagi PTI daripada Indonesia manakala Sandakan yang menjadi pintu masuk PTI daripada Filipina. Selain itu, faktor tolakan dan faktor tarikan turut mendorong kedatangan PTI sekaligus membentuk sosio-ekonomi mereka di daerah Lahad Datu.

1.2 Permasalahan Kajian

Dalam konteks kajian ini, penyelidik cuba membuat tinjauan tentang kesan kehadiran PTI di daerah Lahad Datu dari tahun 1997 sehingga 2007. Penyelidik turut melihat perubahan yang berlaku dari segi sosio-ekonomi iaitu melihat kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh PTI, perubahan penempatan PTI dan kesan kehadiran PTI kepada daerah dan masyarakat daerah Lahad Datu.

1.3 Objektif Kajian

- Membincangkan faktor Lahad Datu sebagai sebagai destinasi PTI.
- Meninjau aktiviti sosio-ekonomi PTI di Lahad Datu.
- Menganalisis Langkah-langkah yang di ambil bagi mengatasi masalah PTI di Lahad Datu.

1.4 Tinjauan Kajian Lepas

Kajian mengenai isu-isu PTI telah banyak ditulis tetapi kurang diberi perhatian terutamanya dalam aspek kedudukan sosio-ekonominya. Lantaran itu, penyelidik tertarik untuk membuat kajian yang lebih terperinci mengenainya.

Rusdi Omar menerusi penulisannya bertajuk "*Impak Pendatang Asing ke atas Pembangunan Ekonomi*"³ membincangkan tentang kemasukan pendatang asing dari Indonesia sebagai tenaga buruh telah memberi kesan dari segi ekonomi, politik dan sosial. Penulisan ini telah memberi gambaran kepada penyelidik serba sedikit tentang sektor pekerjaan yang dilakukan oleh pendatang asing dari Indonesia. Namun begitu, penulis tidak memberi perhatian terhadap cara pendatang asing mengukuhkan kedudukan sosio- ekonomi mereka di negara kita.

Perbincangan tentang isu pendatang juga pernah dilakukan oleh Ramli Dollah dan et al. Tajuk yang dipaparkan adalah berkisar tentang "*Pendatang Filipina di Sabah: Satu permerhatian dari sudut Keselamatan*".⁴ Penulisan ini telah mengetengahkan tentang kehadiran pendatang Filipina yang tidak terkawal boleh menimbulkan masalah dari segi keselamatan penduduk di negeri Sabah. Namun begitu, penulisan ini hanya berfokus terhadap masalah keselamatan yang ditimbulkan oleh pendatang dan langkah

³ Rusdi Omar, *Impak Pendatang Asing Ke Atas Pembangunan Ekonomi*, 2002, Kuala Lumpur: PEMIKIR, hlm. 161.

⁴ Ramli Dollah,.(etl), *Pendatang Filipina Di Sabah: Satu Pemerhatian Dari Sudut Keselamatan*, Jurnal Jati, Bil 2003, hlm. 217.

yang diambil oleh pihak-pihak tertentu tetapi kurang menyentuh kedudukan sosio-ekonomi pendatang di Sabah khususnya di daerah Lahad Datu.

Ho Ting Seng pernah menulis tentang isu pendatang dalam artikel yang bertajuk "*International Migration and Urban Development: The case Of The Filipino Immigrant In Sabah*"⁵. Penulis membincangkan tentang Kedatangan pendatang asing dari negara Filipina adalah didorong oleh faktor pembangunan pembandaran. Penulis telah memberikan sedikit gambaran tentang pembangunan pembandaran di Sabah adalah salah satu sebab pendatang Filipina berhijrah ke Sabah. Bagaimanapun, penulis hanya menekankan tentang sebab migrasi yang dilakukan oleh pendatang Filipina tetapi kurang menyentuh tentang persaingan yang dilakukan oleh pendatang terhadap penduduk tempatan.

Abdul Samad Hadi dan Sulung Mohamamad dalam bukunya yang bertajuk *Pembandaran dan Transformasi Bandar Negeri Sabah*⁶ pula telah membincangkan tentang tahap-tahap proses pembandaran yang berlaku di bandar-bandar utama negeri Sabah iaitu melibatkan ekonomi. Perbincangan ini telah memberi gambaran ringkas tentang tahap-tahap pembandaran yang berlaku berpunca daripada ekonomi. Namun begitu, penulisan ini tidak banyak menyentuh tentang masyarakat yang terlibat dalam proses perbandaran ini serta kurang memfokuskan kepada pembangunan bandar yang turut melibatkan pendatang daripada negara luar.

⁵ Ho Ting Seng, *International Migration and Urban Development: Case Of the Filipino Immigrant In Sabah*, Kota Kinabau: Institut Kajian Pembangunan Sabah, 1989, hlm. 225.

⁶ Abdul Samad & Sulong Mohamad, *Pembandaran dan transformasi bandar negeri Sabah*, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia- Yayasan Sabah, 1990, hlm. 115

Menerusi satu lagi penulisan yang ditulis oleh Mestika Zed bertajuk Urbanisme di Asia Tenggara: makna dan kekuasaan dalam ruang-ruang sosial⁷ telah membincangkan tentang bandar-bandar yang membangun ekonominya telah menjadi tumpuan kepada masyarakat tempatan dan masyarakat luar untuk mencari peluang-peluang yang ada untuk memajukan ekonominya. Oleh yang demikian, pembangunan ekonomi yang pesat berlaku selepas pembentukan Malaysia telah menarik minat masyarakat luar untuk datang mengisi peluang-peluang yang ada serta mengambil kesempatan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi mereka di negara ini. Namun begitu, penulisan yang dilakukan kurang memberi fokus kepada bentuk kegiatan ekonomi pendatang dan cara pendatang megukuhkan kedudukan ekonominya di negara ini.

Sementara itu, P. Ramasamy melalui tulisannya, *International Migration and Conflict: Foreign Labour In Malaysia*,⁸ menganalisis kemasukan buruh asing daripada Filipina dan Indonesia ke negara kita adalah disebabkan oleh faktor ekonomi dan sosio-budaya, agama dan politik. Penulisan ini telah memberi gambaran tentang faktor-faktor kemasukan pendatang asing dari negara Filipina ke negara kita sebagai sumber kerja tenaga buruh. Namun begitu, penulisan ini kurang memberi perhatian terhadap sumber tenaga kerja buruh Filipina yang bekerja di negeri Sabah khususnya di daerah Lahad Datu.

⁷ Mestika Zed, Zulfahmi(terj), *Urbanisme di Asia Tenggara: Makna dan kekuasaan dalam ruang-ruang sosial*, Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2002, hlm. 89.

⁸ P. Ramasamy, *International Migration and Conflict: Foreign Labour In Malaysia*, Singapore: ISEAS Publication, 2004, hlm. 273.


1.5 Skop Kajian

Skop kajian terbahagi kepada dua iaitu lokasi kajian dilakukan dan tempoh masa kajian dijalankan. Pembahagian ini adalah penting untuk memfokus kepada penyelidikan yang dijalankan.

1.5.1 Lokasi

Kajian ini dijalankan di kawasan pantai timur Sabah iaitu yang memberi tumpuan kepada daerah Lahad Datu. Hal ini disebabkan daerah Lahad Datu merupakan daerah yang amat dekat lokasinya dengan sempadan kepulauan-kepulauan di selatan Filipina dan juga laluan laut Sulawesi bagi PTI dari Indonesia. Justeru, akibat daripada daerah Lahad Datu yang keseluruhannya mudah dikunjungi bukan sahaja dari jalan darat malahan air menyebabkan daerah ini antara daerah yang mempunyai jumlah PTI yang paling ramai di Sabah.

Rajah 1:2 Peta kedudukan daerah Lahad Datu.



Sumber: IDS (Sabah), 1998.

1.5.2 Masa Kajian

Tempoh masa kajian yang dilakukan ini adalah dari tahun 1997 sehingga tahun 2007. Hal ini kerana, penyelidik hanya ingin menyelidik berkaitan dengan PTI dari segi sosio-ekonomi mereka dalam masa 10 tahun sahaja. Justeru, tahun 1997 sehingga tahun 2007 amat signifikan sebagai limitasi kajian dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

Buku

- Abdul Samad & Sulong Mohamad. 1990. "Pembandaran dan transformasi bandar negeri Sabah". Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia-Yayasan Sabah.
- Dayang Suria. 2000. "Pekerja Asing di Sabah: Isu dan Perspektif." Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Ho Ting Seng. 1989. "International Migration and Urban Development: Case Of the Filipino Immigrant In Sabah." dalam Mohd Yaakob Johari (eds). *Sabah in Development, Kota Kinabalu : Urbanization and development. Prospect & policies for Sabah Beyond 1990*. Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan Sabah
- Irwin, Graham. 1985. "Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mestika Zed, Zulfahmi(terj). 2002. "Urbanisme di Asia Tenggara: Makna dan kekuasaan dalam ruang-ruang sosial." Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Ramasamy, P. 2004. "International Migration and Conflict: Foreign Labour In Malaysia." Singapore: ISEAS Publication.
- Rusdi Omar. 2002. "Impak Pendatang Asing Ke Atas Pembangunan Ekonomi." Kuala Lumpur: PEMIKIR.
- Jubair, Salah 1999. "Bangsamoro: A nation Under Endless Tyranny." Kuala Lumpur: IQ Marin Sdn Bhd.

Artikel

Ramli Dollah,. (etl). 2003. "Pendatang Filipina Di Sabah: Satu Pemerhatian Dari Sudut Keselamatan." Jurnal JATI, Bil 8. Hlm 217-240.

Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2005. "Impak Kehadiran Pendatang Filipina di Kampung Air: Satu Tinjauan di Sabah." Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah. Kertas Kerja yang telah dibentangkan di Seminar Serantau Kampung Air. Universiti Brunei Darulsalam.

Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan. 2006. "Pengangkutan Air di Kalangan Masyarakat Bajau dan Suluk di Sabah:" Satu tinjauan dalam Malaysia dari segi Sejarah, Bil 34.

Wan Shawaluddin Wan Hassan, Zaini Othman dan Ramli Dollah. "Pemerintah dan Pendatang Asing: Satu Analisis Kritikal" Kertas Kerja yang telah dibentangkan Seminar Sabah setelah 50 tahun merdeka. Kota Kinabalu: UITM.

Dokumen Kerajaan dan lain-lain

Azizah Kassim. 2006. "Profil Warga Asing Di Sabah dan Pola Petempatan Mereka di Kota Kinabalu dalam Pola Petempatan dan Organisasi Sosio-ekonomi Kumpulan dan Komuniti Pendatang Asing Di Sabah: Satu Kajian Kes Di Kota Kinabalu dan Kawasan Sekitarnya" Laporan Akhir Projek Penyelidikan IRPA.

Jabatan Kesihatan negeri Sabah.

Sabah Institute Development of Studies (IDS), April 1999

TV3. 7 April 2003. Slot 999.

Wan Shawaluddin Wan Hassan et.al. 2007. Dimensi Ekonomi-politik pendatang asal Indonesia di Sabah, Seminar Refleksi 50 tahun hubungan diplomatik Indonesia-Malaysia, Universitas Hasanuddin, Makasar. 11 September.

Internet

"Kedudukan Daerah Lahad Datu" http://ms.wikipedia.org/wiki/Lahad_Datu, di layari pada 20 Mac 2009.

"Lahad Datu", http://ms.wikipedia.org/wiki/Lahad_Datu dilayari pada 15 Mac 2009.

"Ekonomi Negeri Sabah", http://www.sabah.org.my/bm/kenali_sabah/intro_ekonomi.asp dilayari pada 30 April 2009.

"Sektor Pembalakan" http://www.sabah.org.my/bm/kenali_sabah/intro_ekonomi.asp dilayari pada 30 April 2009

Akhbar

"Lagi dihantar pulang". Borneo Mail. 5 Januari 1998.

"Perkampungan haram ditemui". Borneo Mail. 14 Mac 1998.

"Penempatan sandakan melimpah-ruah kehadiran pelawat tanpa izin Indon dan Filipina".

Borneo Mail. 5 Januari 1998.

"Sindiket angkut pendatang lumpuh". Borneo Mail. 19 Mac 1998.

"Polis Marin tahan 33 pendatang". Borneo Mail. 15 Ogos 1998.

"Pendatang bertempiaran apabila PPKP buat operasi". Borneo Mail. 17 Januari 1998.

"PTI dihantar ke pusat tahanan sementara". Borneo Post. 6 Januari 1998.

"Pendatang Filipina dan Indon di tahan". Borneo Post. 6 Januari 1998.

"Pendatang Tanpa Izin dihantar pulang ke negara asal". Borneo Post. 15 Januari 1998.

"PPKP teruskan ops nyah". Borneo Post. 16 Januari 1998.

"Lagi warga asing ditahan dalam ops Nyah II". Borneo Post. 17 Januari 1998.

"Pasukan Petugas Luar tahan 150 pendatang tanpa izin". Borneo Post. 15 Mac 1998.

"PPKP hantar lebih 400 lagi PTI ke Pusat Tahanan sementara". Borneo Post. 17 Mac 1998.

"PTI dihantar ke pusat tahanan sementara". Daily Express. 6 Januari 1998.

"Polis gagalkan cubaan masuk sejumlah besar PTI". Daily Express. 19 Mac 1998.

"Pendatang: Polis perhebat operasi di laut". Daily Express. 30 Mac 1998.

"Indonesia bersetuju rakyatnya dihantar pulang". Daily Express. 30 Mac 1998.

"Seramai 1832 PTI dihantar pulang dalam tiga bulan pertama tahun ini". Daily Express. 2 April 1998.

"Siri terbaru Ops Nyah II tahan 224 orang". Daily Express. 3 Julai 1998.

"PPKP tahan 715 orang pendatang tanpa izin". Daily Express. 23 Ogos 1998.

"Pendatang dihantar pulang ke negara asal". Harian Mercu. 6 Januari 1998.

"Lagi 50 warga asing ditahan". Harian Mercu. 16 Januari 1998.

"Malaysia berkerjasama dengan Indonesia percepatkan penghantaran pulang PTI".

Harian Mercu. 10 April 1998.

"Petugas Khas teruskan tugas mengesan Pendatang Tanpa Izin (PTI)". Utusan Borneo. 21 Januari 1998.

"Ops Banteras Jenayah: 132 PTI ditahan". Utusan Borneo. 3 Ogos 1998.

"PPKP berjaya menahan 1062 PTI dalam tempoh 6 bulan". Utusan Borneo. 8 Ogos 1998.

Business Times. 7 Januari 1997

New Sabah Times. 1 Mei 1999

"Meledak Permintaan TKI Dari Malaysia". Kompas. 21 Mei 1993.

Kompas. 12 Ogos 1997

"Jeruk Habis, Ribuan Tenaga Kerja Ke Sarawak". Kompas. 16 September 1997.

Straits Times. 19 Disember 1996

Suara Pembaharuan. 16 November 1998.

Suara Pembaharuan. 13 Julai 1998.

Suara Pembaharuan. 12 November 1998.

"Indonesia menentang Undang-undang Imigrasi Malaysia yang baru". Associated Press. 26 Ogos 2002.

Latihan Ilmiah

Melda Bin Salbat. 2003. Perkembangan dakwah islamiah di daerah Lahad Datu dari tahun 1979-1984: Persaingan di antara BERJAYA, USNO dan kegiatan pebagai pihak lain. Latihan Ilmiah. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.

Norlena Binti Unding. 2006. Sejarah Masyarakat Suluk di Tawau Sabah: Identifikasi dan Pembinaan Identiti. Latihan Ilmiah. Sekolah Sains Sosial. Universiti Malaysia Sabah.

Suhaira Binti Mohammad. 2003. Sejarah Lahad Datu sebelum 1941. Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan sains Sosial. Universiti Malaya.

Temubual

Abdul Samad. 57 Tahun. Kampung Batu Lima Lahad Datu. 23 Disember 2008.

Aping bin Ampotok. 57 Tahun. Bandar Lahad Datu. 27 Disember 2008.

Dausip bin landasan. 57 Tahun. Taman Pertama Satu, Lahad Datu. 12 Ogos 2008.

Herdie Suryady bin Rustom. 29 Tahun. Kampung Paris, Lahad Datu. 12 ogos 2008

Hernah Panggo. 24 tahun. Kampung Muhibbah, Lahad Datu. 27 Disember 2008.

Melna Mohammad. 27 Tahun. 27 Disember 2008.

Mohd Jais bin Hashim. 43 Tahun. Ladang Tabung Haji. 12 ogos 2008.

Putal bin Ali. 58 Tahun. Kampung Desa Bajau, Lahad Datu. 20 Disember 2008.

Raymey Dollah. 26 Tahun. Kapung Bakapit, Lahad Datu. 23 Disember 2008.

Rubina binti Mohamad. 55 Tahun. Taman Pertama Satu, Lahad Datu. 20 Disember 2008.

Saleha Saidin.32 tahun. Kampung Paris 3, Lahad Datu. 27 Disember 2008.

Sherly Mohd Jais. 24 Tahun. Kampung Paris 3. Lahad Datu. 23 Ogos 2008.

Sumarni binti Sidra. 25 tahun. Kem Jeroco, Lahad Datu. 27 Disember 2008.

Wedada Amir. 23 tahun. Kampung Puyut, Lahad Datu. 27 disember 2008.